



KERTAS KERJA

**PEMBINAAN BARU SURAU TAMAN BUKIT TAMBUN PERDANA 2**

TEMPAT

**LOT 70864, JALAN UTAMA BUKIT TAMBUN PERDANA 2, TAMAN BUKIT  
TAMBUN PERDANA 2, 76100 DURIAN TUNGGAL, MELAKA.**

**KERTAS KERJA**  
**PEMBINAAN BARU SURAU TAMAN BUKIT TAMBUN PERDANA 2, DURIAN**  
**TUNGGAL**

**1.0 PENGENALAN**

---

Surau merupakan institusi penting dalam sesebuah komuniti Islam sebagai pusat ibadah, pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan. Seiring dengan pertambahan penduduk di Taman Bukit Tambun Perdana 2, Durian Tunggal, Melaka, keperluan untuk sebuah surau yang lebih selesa, selamat dan kondusif amatlah diperlukan bagi anggaran 1400 buah rumah penduduk muslim.

Sehubungan itu, kertas kerja ini dikemukakan bagi mencadangkan pembinaan sebuah surau baharu untuk kegunaan penduduk setempat.

**2.0 OBJEKTIF**

---

- a) Menyediakan tempat ibadah yang selesa dan teratur kepada penduduk setempat.
- b) Menjadi pusat aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.
- c) Mengukuhkan perpaduan dan silaturahim dalam kalangan penduduk.
- d) Memberi kemudahan pembelajaran agama seperti kelas mengaji dan ceramah.

**3.0 LOKASI CADANGAN**

---

Nama Projek: Pembinaan Surau Taman Bukit Tambun Perdana 2

Lokasi: Lot 70864, Jalan Utama Bukit Tambun Perdana 2, Taman Bukit Tambun Perdana 2, 76100 Durian Tinggal, Melaka

Keluasan Anggaran: Lot 70864 (2001m<sup>2</sup>)

Kapasiti Jemaah: ± 150 – 250 orang

Kemudahan yang dicadangkan:

- a) Ruang solat utama (lelaki & wanita)
- b) Tempat wuduk berasingan
- c) Tandas
- d) Bilik stor
- e) Ruang serbaguna / kelas agama
- f) Tempat letak kasut
- g) Ruang Pejabat

#### 4.0 SURAU/MASJID BERHAMPIRAN

---

Jarak surau/masjid yang berhampiran:

- a) Surau Al-Hikmah Taman Bukit Tambun Perdana 1 - 1km
- b) Surau Al-Ehsan Kampung Bukit Tambun - 1.1km
- c) Masjid An-Naim Durian Tunggal - 2.5km
- d) Surau Taman Seri Siantan - 2.6km
- e) Surau Taman Merak Emas - 3.1km
- f) Surau Taman Desa Idaman - 3.3km
- g) Surau Kampung Pulau - 3.9km

#### 5.0 ANGGARAN KOS PEMBINAAN

---

Bil.	Perkara	Anggaran Kos (RM)
1.	Kerja Tanah & Asas	77,000.00
2.	Struktur Bangunan	106,250.00
3.	Bumbung	21,000.00
4.	Elektrik & Sistem Perpaipan	62,000.00
5.	Kemasan Dalaman & Luaran	68,500.00
6.	Kelengkapan Asas Surau	30,000.00
7.	Pagar	36,000.00
8.	Premix	40,698.00
9.	Arkitek, Rancangan Penyerahan & Permohonan CCC	40,000.00
10.	Kontigensi	18,552.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM 500,000</b>

Nota: Anggaran kos tertakluk kepada perubahan semasa.

#### 6.0 JANGKAMASA PELAKSANAAN

---

Projek ini dijangka dilaksanakan dalam tempoh 6 – 9 bulan selepas kelulusan dan dana mencukupi diperolehi.

#### 7.0 JAWATANKUASA PENAJA

---

Rujuk Minit Mesyuarat

## **8.0 SUMBANGAN DIPERLUKAN**

---

Pembiayaan projek ini dicadangkan melalui:

- a) Sumbangan penduduk dan orang awam
- b) Derma individu dan syarikat
- c) Kutipan tabung surau
- d) Bantuan agensi berkaitan (jika ada)

## **9.0 SYOR / PENUTUP**

---

Diharapkan kertas kerja ini mendapat pertimbangan dan sokongan daripada semua pihak agar pembinaan surau ini dapat direalisasikan demi manfaat bersama penduduk Taman Bukit Tambun Perdana 2.

Kerjasama dan sumbangan daripada pelbagai pihak amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Disediakan Oleh,



.....

**(MUHAMMAD RIDZUAN BIN DZULKARNAIN)**

**SETIAUSAHA**

**JAWATANKUASA PEMBINAAN SURAU TAMAN BUKIT TAMBUN PERDANA 2**

**013-626 6692**

**TAPAK REZAB SURAU TAMAN BUKIT TAMBUN PERDANA 2 (LOT 70864)**




**Rajah 1**



**Rajah 2**

PEMBINAAN BARU SURAU TBTP2



**NOTA:-**  
**Dahulunya Sebahagian Lot 4018 (PA34247)**

Asas Koordinat GDM2000 Cassini-Soldner

NEGERI MELAKA  
 DAERAH ALOR GAJAH  
 MUKIM DURIAN TUNGGAL  
 LOT 70863 & 70864

DISEDIAKAN OLEH RIDHUAN BIN ABDUL RAHMAN

SKALA 1 : 950

PETA KADASTER 24-A-IV & 24-B-III

**PA116208**



Saya, NG ENG SENG seorang Jurukur Tanah yang dilesen di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau dibantu arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Jurukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada 12 hari bulan November 2020.

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah satu ukuran ini.

Bertarikh 13 hari bulan Mac 2023

Jurukur Tanah Yang dilesen Di Bawah Akta 458

FAIL UKUR PUBLM 428\_2022  
 FAIL PEJ. TANAH 0403DEV2019000227  
 DILULUSKAN OLEH

SR NOOR HELMY BIN NOORDIN  
 PENGARAH UKUR DAN PENETAPAN  
 MELAKA  
 TARIKH : 17.03.2023

